KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	7/1/2022 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	-			

@hmetromy HarianMetro @hmetromy www.hmetro.com.my 25
HM 7.1.2022 lokal

Tebang hutan hingga binasa kehidupan dilaknat Allah

Kangar: Pihak yang menebang hutan seterusnya membinasakan kehidupan masyarakat bukan sahaja dilaknat, malah akan direndam dalam neraka oleh Allah SWT kelak.

Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin berkata, terdapat hadis Rasulullah SAW yang memberikan amaran kepada sesiapa yang menebang pokok yang menjadi teduhan orang ramai.

"Baginda memberitahu bahawa sesiapa yang melakukan hal itu maka Allah SWT akan merendahkan atau merendam kepalanya ke dalam neraka.

"Daripada Aishah, sabda Baginda SAW, sesiapa yang memotong pokok bidara maka Allah SWT merendahkan (menekan) kepalanya dalam neraka" (Riwayat Abu Daud, al-Nasai dalam al-Kubra, al-Baihaqi dll Hadis sahih).

"Selain itu, Al-Imam Abu Daud al-Sijistani iaitu empunya Sunan Abi Daud, ketika ditanya tentang maksud hadis ini, beliau berkata, bahawa hadis ini diriwayatkan secara ringkas yang bermaksud, sesiapa dengan sia-sia (tiada alasan yang sah) dan zalim tanpa alasan yang benar, memotong pokok bidara di tanah lapang yang mana pengembara dan binatang selalu berteduh di bawahnya, maka Allah SWT merendahkan (menekan) kepalanya ke dalam neraka," katanya pada kenyataannya yang dipetik dari Laman Web Jabatan Mufti Negeri Perlis, semalam.

Menurut Dr Mohd Asri, hadis ini memberikan amaran, sesiapa yang merosakkan tumbuh-tumbuhan yang dapat menjadi teduhan orang ramai ataupun haiwan, maka Allah SWT akan merendahkan atau menekan atau merendamkan kepalanya dalam neraka.



Hadis yang memberikan amaran yang dahsyat sebegini menunjukkan perbuatan yang dilarang itu termasuk sebagai al-Kabair iaitu dosa besar"

Dr Mohd Asri Zainul Abidin

"Hadis yang memberikan amaran yang dahsyat sebegini menunjukkan perbuatan yang dilarang itu termasuk sebagai al-Kabair iaitu dosa besar.

"Para ulama dahulu berbincang tentang maksud hadis ini. Ada yang kehairanan mengapa pula diharamkan memotong pokok bidara? Ada yang berpendapat ia khas untuk Mekah (Tanah Suci Makkah). Ada yang berpendapat hukum ini sudah dimansuhkan.

"Namun, jawapan al-Imam Abu Daud itu memberikan makna yang dapat difahami tentang maksud hadis ini yang berkaitan mereka yang memusnah tempat berehat atau berteduh para musafir atau haiwan, serta keadaan panas mendesak manusia dan haiwan mencari perlindungan dan pokok atau pohon yang rendang memayungi manusia dan haiwan daripada kepanasan," katanya.

Dr Mohd Asri berkata, pokok bidara dapat tumbuh di padang pasir serta mampu menghadapi cuaca kering dan panas.

"Maka di bawah pohonnya manusia berteduh manakala buahnya pula boleh dimakan apabila memerlukan.

"Oleh itu, memelihara pohon bidara yang berfungsi dengan fungsi berkenaan adalah menjaga keseimbangan dan peranan antara ciptaan Allah SWT dan merosakkannya pula adalah merosakkan anasir penting dalam keselamatan hidup manusia. (rujukan al-Qaradawi, al-Sunnah masdaran li al-Ma'rifah wa al-Hadarah, 142. Kaherah: Dar al-Syuruq 1998)," katanya.

Dr Mohd Asri berkata, oleh itu, sesiapa yang memusnahkan tempat perlindungan panas manusia dan haiwan ketika sangat memerlukan tanpa alasan yang benar pastilah termasuk dalam kalangan mereka yang sangat jahat.

Maka tidak hairan jika kepala mereka ini direndam ke dalam neraka.

"Bagaimanakah pula bagi mereka yang menebang pokok secara rakus sehingga berlaku bencana yang menyebabkan manusia kehilangan dan kemusnahan rumah dan tempat tinggal.

"Perbuatan ini bukan sekadar manusia yang hilang tempat berteduh di luar rumah, malah ia menyebabkan manusia juga hilang rumah tempat menetap diri dan keluarga, sekolah, tempat kerja, masjid, rumah ibadat dan pelbagai lagi," katanya.



PERBUATAN menebang hutan hingga membinasakan kehidupan masyarakat bukan sahaja dilaknat, malah akan direndam dalam neraka oleh Allah SWT kelak.